

TEKS UCAPAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N30 SUNGAI PINANG

**DEWAN INI MENCADANGKAN AGAR MENYELESAI MASALAH-
MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENGUSAHA TADIKA DAN TASKA
UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membentangkan satu usul yang mencadangkan agar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengusaha Tadika dan Taska untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

Pendidikan sentiasa menjadi salah satu isu pertama yang diberi tumpuan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Dengan kemajuan zaman, pendidikan sentiasa diperbaharui dan telah melahirkan banyak bakat. Pendidikan di semua peringkat amat penting pada masa kini terutamanya pendidikan awal kanak-kanak. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa perkembangan intelek kanak-kanak adalah paling pesat sebelum umur 5 tahun. Jika ibu bapa memberikan pendidikan permulaan yang baik kepada anak-anak mereka dalam tempoh ini, ia akan menjadi kunci kepada perkembangan intelek, fizikal, bahasa, emosi dan sosial awal mereka. Oleh itu, kita dapat melihat bahawa sejak kebelakangan ini pendidikan awal kanak-kanak semakin meningkat. Tidak terkecuali, tadika dan taska baharu bermunculan di Pulau Pinang.

Namun begitu, pengusaha yang mengendalikan tadika dan taska juga menghadapi pelbagai kesukaran seperti tidak berdaftar dan beroperasi tanpa lesen perniagaan. Menurut EXCO Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Chong Eng, beliau mengatakan bahawa ada sebanyak 86 buah tadika, 45 taska didapati beroperasi tanpa lesen di Pulau Pinang. Untuk menyelesaikan

masalah tersebut, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan melakukan pemantauan secara berkala.

Selain itu, kekurangan guru dan suasana pembelajaran yang kurang kondusif untuk pembelajaran juga menjadi masalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Kekurangan guru tadika dan taska telah menyebabkan nisbah guru dan murid tidak berkadar. Terdapat sesetengah guru tadika dan taska yang diwajibkan menjaga atau mengajar 15-20 kanak-kanak sendiri tanpa guru penolong. Melalui masalah ini, ramai guru berasa tertekan dan memilih untuk berhenti kerja. Di samping itu, persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif juga menjadi salah satu isu yang menyebabkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak menurun. Sesetengah persekitaran tadika dan taska tidak dirancang dengan baik dan mengakibatkan kanak-kanak dari pelbagai peringkat umur perlu menghadiri kelas bersama-sama atau kanak-kanak hanya berada di satu tempat sepanjang hari. Terdapat penyelidikan telah menunjukkan bahawa menyediakan kanak-kanak dengan pelbagai ruang boleh merangsang pembelajaran dan perkembangan keseluruhan mereka, jadi isu ini mesti diambil serius.

Kesimpulannya, sekiranya kita hendak anak-anak kita berkembang dengan baik dan menjadi modal insan yang berguna pada masa hadapan, isu-isu yang dinyatakan di atas perlu diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

Wei Ling

N30 Sungai Pinang

Sidang Muda 2022/23